

08 SEP 2000

KES SAMAN MIRZAN TERHADAP STAR POPYRUS SELESAI LUAR MAHKAMAH

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Saman malu berjumlah RM150 juta yang dikemukakan oleh ahli perniagaan Mirzan Mahathir terhadap Star Papyrus Printing Sdn Bhd telah diselesaikan di luar mahkamah.

Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Dr R.K. Nathan ketika mengumumkan demikian berkata kedua-dua pihak telah memberitahu beliau bahawa mereka telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan saman itu.

V.K.Lingam peguam yang mewakili Mirzan, berkata anak guamnya itu juga bersetuju menarik balik saman termasuk tuduhan niat jahat terhadap Star Papyrus.

Mirzan, pengerusi eksekutif kumpulan Konsortium Perkapalan Berhad, menyaman Star Papyrus berhubung rencana dalam akhbar Asian Wall Street Journal bertajuk "Mahathir's Eldest son limits ambitions" (Anak Lelaki Sulung Mahathir Hadkan Cita-cita), tulisan G. Bruce Knecht yang disiarkan di muka depan pada 4 Jan tahun lepas.

Star Papyrus, anak syarikat Star Publication Berhad, adalah pencetak Asian Wall Street Journal.

Dalam kenyataan tuntutananya, Mirzan berkata reputasinya telah terjejas teruk kerana satu perenggan dalam rencana itu memberi gambaran dia membina perniagaannya atas dasar nepotisme, pilih kasih dan kelebihan.

Star Papyrus menafikan bahawa ia menerbitkan atau membenarkan penerbitan rencana itu.

Bhag Singh dan Amir Zaizul Izral mewakili Star Papyrus manakala Lingam dan R. Thayalan mewakili Mirzan.

-- BERNAMA

CS AHH MAI